

## **ANALISIS KEPERLUAN TERHADAP PEMBANGUNAN MODUL AKTIVITI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN SEJARAH BERASASKAN PENGGUNAAN SUMBER-SUMBER SEJARAH**

*(A Needs Analysis for Developing the Historical Resources based  
Teaching and Learning Activities Modules)*

M.Kaviza

### **ABSTRAK**

Sumber sejarah merupakan elemen penting dalam disiplin sejarah yang tidak dapat dipisahkan dengan proses pengajaran dan pembelajaran Sejarah. Pemartabatan mata pelajaran Sejarah pada peringkat peperiksaan nasional telah menyarankan murid-murid untuk belajar mata pelajaran Sejarah secara berterusan dari Tahun Empat sehingga ke Tingkatan Lima melalui Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) dan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM). Keadaan ini telah menggalakkan proses pengajaran dan pembelajaran Sejarah secara pengkajian dan penerokaan dengan meningkatkan kemahiran berfikir kritis dan kreatif dalam kalangan murid, maka objektif kajian ini ialah untuk mengenal pasti sama ada terdapat suatu keperluan untuk membangunkan modul aktiviti pengajaran dan pembelajaran berasaskan penggunaan sumber-sumber sejarah. Kajian tinjauan melalui soal selidik ini telah melibatkan seramai 92 orang guru Sejarah yang dipilih melalui teknik persampelan bertujuan. Data kajian ini dianalisis secara deksriptif melalui perisian *IBM SPSS*. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa terdapat satu keperluan untuk membangunkan modul aktiviti pengajaran dan pembelajaran Sejarah berasaskan penggunaan sumber-sumber sejarah sebagai asas, panduan dan persediaan dalam memperkenalkan sumber-sumber sejarah dalam proses pengajaran dan pembelajaran Sejarah, di samping menyediakan pengalaman pembelajaran melalui aktiviti analisis sumber-sumber sejarah bagi membentuk pentafsiran dan pemahaman yang mendalam dalam kalangan murid. Implikasi kajian ini telah menyediakan maklumat awal tentang aspek-aspek yang perlu difokuskan seperti kebolehan murid, pendekatan pengajaran bersesuaian, bahan pembelajaran relevan dan sebagainya dalam proses pembangunan modul pengajaran dan pembelajaran yang berkesan.

**Kata kunci:** Analisis keperluan, modul aktiviti pengajaran dan pembelajaran, penggunaan sumber-sumber sejarah.

### **ABSTRACT**

Historical resources are an important element in history discipline that can not be separated in the process of teaching and learning history. Students have to study History subjects from Year Four to Form Five through the Primary School Standard Curriculum (KSSR) and the Secondary

School Standard Curriculum (KSSM). This situation has encouraged the process of teaching and learning History through exploration and inquiry by improving critical thinking skills and creativity among students. The purpose of this study is to identify whether there are need for the development of the teaching and learning based using historical resources activities module. This is a descriptive survey study using questionnaire involving a total of 92 history teachers through a purposive sampling technique. The findings showed that there is a need for the development of the teaching and learning activities modules based using of historical resources as the references in introducing historical resources in the process of teaching and learning History, while providing meaningful learning experiences through analysis of historical resources activities to develop the deep interpretation and understanding among the students. The implication of this study is provided a references of the aspects which have been given attention on process of development an effective teaching and learning modules such as student's ability, teaching approach, relevance teaching material and others.

**Keywords:** Need analysis, learning and teaching activities modules, using historical resources

## **PENGENALAN**

Dewasa ini, pengajaran dan pembelajaran Sejarah berasaskan penggunaan sumber-sumber sejarah semakin berkembang pesat dalam konteks pendidikan pada peringkat nasional selaras dengan matlamat kurikulum Sejarah yang disarankan iaitu memberi kefahaman mengenai masyarakat, negara Malaysia dan dunia (Pusat Perkembangan Kurikulum [PPK], 2003; 2015). Sehubungan dengan itu, penggunaan sumber-sumber sejarah dalam proses pengajaran dan pembelajaran Sejarah perlulah dirancang dengan sistematik dan teratur bagi memastikan dapat mencapai matlamat kurikulum bagi menarik minat belajar dan meningkatkan pencapaian Sejarah, di samping untuk membentuk nilai patriotisme dan jati diri dalam kalangan murid (Anuar Ahmad, Peter, Nur ATiqah Tang Abdullah, (2015), Haminah Suhaibo, 2010). Oleh itu, pengajaran dan pembelajaran Sejarah berasaskan penggunaan sumber-sumber sejarah perlu dijalankan dengan lebih menarik dan interaktif agar pengalaman pembelajaran sejarah secara berkesan dapat dirasai dan dibentuk oleh murid-murid. Hal ini kerana penggunaan bahan, sumber, alat atau media pembelajaran tertentu dalam proses pengajaran dan pembelajaran adalah diakui dapat meningkatkan daya pengayaan dan pengukuhan yang baik dalam kalangan murid (Richey & Klein, 2007; Heinich, Moleda, Russell & Smaldino, 2002).

Sejak mata pelajaran sejarah diangkat statusnya sebagai mata pelajaran wajib lulus pada peperiksaan nasional dan pelaksanaan kurikulum sejarah KSSR dan KSSM, proses pengajaran pembelajaran sejarah berdasarkan penerokaan melalui penggunaan sumber-sumber sejarah adalah dicadangkan. Hal ini kerana murid-murid menengah atas perlu menjalankan proses pengkajian berdasarkan pengumpulan dan analisis sumber atau bahan sejarah yang tertentu sebagai syarat pentaksiran kertas tiga, manakala bagi murid-murid menengah rendah sebagai syarat pentaksiran kerja kursus (Lembaga Peperiksaan Malaysia, 2011, 2018). Walaubagaimanapun, dalam kajian-kajian lepas telah melaporkan bahawa murid-murid kurang didedahkan dengan penggunaan sumber-sumber sejarah di dalam kelas kerana bergantung kepada kaedah pengajaran kuliah (Omardin Haji Ashaari & Yunus Muhammad, 1996).

Tambahan pula, dalam kajian tinjauan yang dijalankan oleh Kaviza, Fauziah Abdul Rahim dan Nurliyana Bukhari, (2018) telah mendapati bahawa tahap kesediaan guru-guru melaksanakan kaedah pengajaran dan pembelajaran sejarah berasaskan sumber sejarah dari aspek pengetahuan, kemahiran dan sikap adalah sederhana yang menyebabkan mereka tidak memfokuskan kepada penggunaan sumber-sumber tersebut dalam konteks pengajaran dan pembelajaran Sejarah di dalam kelas. Dapatan kajian ini adalah selaras dengan kajian Dutt-Doner, (2015) dan Hover, Hicks dan Dack, (2016) yang menjelaskan bahawa guru-guru perlu berkemahiran dan berkebolehan dalam menggalakkan proses pengajaran dan pembelajaran sejarah berasaskan penggunaan sumber-sumber sejarah agar dapat mewujudkan proses pengajaran dan pembelajaran sejarah yang menyeronokkan. Oleh kerana tidak terdapat suatu panduan yang khusus dalam mengintegrasikan sumber-sumber sejarah di dalam kelas seperti yang dinyatakan oleh Reisman dan Fogo, (2015) dan Dutt-Doner, Cook-Cottone dan Alien, (2007) dalam kajiannya, maka objektif kajian ini ialah untuk mendapatkan data awal bagi mengenal pasti sama ada terdapat suatu keperluan pembangunan modul aktiviti pengajaran dan pembelajaran berasaskan penggunaan sumber-sumber sejarah serta aspek-aspek penting yang perlu diberikan perhatian dalam proses pembangunan modul tersebut untuk dipraktikkan pada peringkat sekolah menengah.

## **SOROTAN KAJIAN**

### **Modul Pengajaran dan Pembelajaran**

Rusell, (1979) telah mendefinisikan modul sebagai satu unit pengajaran yang lengkap yang digunakan untuk mencapai hasil pembelajaran yang dinyatakan bagi membolehkan seseorang murid dapat menguasai suatu unit kandungan pelajaran terlebih dahulu sebelum dialihkan kepada unit pelajaran yang lain. Definisi yang diberikan oleh Rusell, (1979) tersebut adalah konsisten dengan definisi modul yang dinyatakan oleh Husen dan Postlethwaite, (1985) yang telah mentakrifkan modul sebagai satu set pakej pengajaran dan pembelajaran yang lengkap dengan hasil pembelajaran, bahan pengajaran, aktiviti pembelajaran dan pentaksiran serta prosedur penggunaannya secara sistematik dan teratur bagi membolehkan murid-murid dapat mengikuti langkah demi langkah pembelajaran bagi menguasai suatu unit pelajaran. Tambahan pula, modul pengajaran dan pembelajaran telah diakui bermanfaat dalam proses pengajaran dan pembelajaran (Shaharom Noordin & Yap, 1991) adalah seperti berikut:

1. Modul boleh disesuaikan dengan perbezaan ciri-ciri personaliti murid dari segi masa, format dan kandungan
2. Modul boleh meningkatkan motivasi dan minat belajar murid
3. Modul boleh menyatakan hasil pembelajaran yang hendak dicapai
4. Modul boleh membantu murid belajar dari aktiviti pembelajaran yang mudah kepada yang sukar
5. Modul membolehkan isi kandungan dan pelajaran dirancang dan disusun dengan sistematik
6. Modul membolehkan guru berperanan sebagai pembimbing dalam proses pengajaran dan pembelajaran
7. Modul membolehkan guru mendapat maklum balas terhadap pencapaian murid

## **Penggunaan Sumber-sumber Sejarah**

Sumber-sumber sejarah telah ditakrifkan sebagai sebuah karya yang menyediakan maklumat atau bukti yang bersifat asli yang berkaitan dengan sesuatu fakta, kejadian atau siri sesuatu peristiwa yang berlaku pada masa lalu yang dijadikan bahan kajian oleh ahli sejarah (Suntharalingam, 1985). Terdapat dua jenis sumber-sumber sejarah iaitu sumber primer dan sumber sekunder. Sumber primer iaitu merujuk kepada sumber seperti catatan, laporan, surat, buku harian, dokumen, rekod dan sebagainya yang bersifat asli yang dapat memberikan maklumat, catatan atau melaporkan mengenai sesuatu peristiwa yang berlaku, manakala sumber sekunder pula dirujuk sebagai sumber yang tidak asli yang dihasilkan oleh ahli sejarah melalui penulisan mereka tentang sesuatu peristiwa sejarah berpandukan kepada sumber primer seperti ensklopedia, majalah, buku teks, risalah dan sebagainya ((Hazri Jamil, 2003). Selaras dengan kemajuan teknologi, guru-guru berupaya untuk, memuat turun pelbagai jenis sumber-sumber sejarah melalui laman web bagi mereka bentuk aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang menarik dan informatif di dalam kelas (Breakstone & Smith, 2013; Brown & Dotson, 2007; Huistra & Mellink, 2016). Oleh yang demikian, peluang pembelajaran yang membolehkan murid-murid untuk meneroka sesuatu peristiwa sejarah berdasarkan penggunaan sumber-sumber sejarah yang telah dibuktikan dapat meningkatkan kemahiran berfikir aras tinggi (Merkt, Werner & Wagner, 2017; Patterson, Lucas & Kithinji, 2012).

## **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian tinjauan secara *cross-sectional survey* iaitu pengkaji memungut data sekali sahaja daripada suatu sampel kajian pada suatu titik masa yang dapat memberikan gambaran secara menyeluruh (Lim, 2007). Sampel kajian ini terdiri daripada 92 orang guru Sejarah yang mengajar di sekolah menengah harian di sebuah negeri di utara Semenanjung Malaysia yang dipilih melalui teknik persampelan bertujuan. Soal selidik yang dibina oleh pengkaji telah digunakan sebagai instrumen kajian ini disebabkan oleh keperluan masa yang fleksibiliti untuk menjawab soal selidik dalam kalangan responden kajian (Cohen, Manion & Morrisoon, 2007). Hal ini kerana pengkaji telah mempertimbangkan kesibukan guru-guru Sejarah tersebut dengan tugas rutin di sekolah yang berkemungkinan menjadi masalah dan cabaran dalam mendapatkan maklumat analisis keperluan kajian yang diperlukan bagi tujuan kajian ini. Tambahan pula, menurut Sidek dan Jamaludin, (2005) juga telah mencadangkan bahawa data analisis keperluan kajian boleh dilakukan dengan menggunakan kaedah tinjauan dengan menggunakan soal selidik untuk meneliti sesuatu masalah dan cabaran yang dihadapi oleh guru dan murid dalam merancang sesuatu penambahbaikan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Dapatan soal selidik dalam kajian ini telah dianalisis secara deskriptif dengan menggunakan perisian pengkomputeran *IBM SPSS Statistics*.

## **DAPATAN DAN PERBINCANGAN KAJIAN**

Berdasarkan analisis soal selidik secara deskriptif, dapatan kajian yang diperoleh adalah seperti berikut:

*i) Penggunaan sumber-sumber sejarah berpotensi digunakan dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran sejarah*

Kesemua 92 orang guru-guru sejarah telah bersepakat menjelaskan bahawa penggunaan sumber-sumber sejarah adalah berpotensi digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran sejarah di dalam kelas. Daripada jumlah tersebut, seramai 90 orang guru sejarah bersetuju bahawa penggunaan sumber-sumber sejarah dapat memberikan peluang kepada murid-murid untuk mengkaji sejarah berdasarkan sumber-sumber bukti yang tepat dalam membuat pentafsiran sejarah. Hal ini kerana sumber-sumber sejarah terdiri daripada sumber primer dan sekunder yang menjadi bahan bukti sejarah yang dapat menerangkan situasi atau keadaan sebenar yang telah berlaku (Suntralingam, 1985; Hazri Jamil, 2003). Penggunaan sumber-sumber sejarah juga dilaporkan dapat meningkatkan keseronokkan belajar seperti diakui oleh 86 orang guru sejarah dan pendapat ini adalah konsisten dengan dapatan kajian Mohd Mahzan Awang, Abdul Razaq Ahmad dan Nur Syazwani Abdul Talib, (2016) yang mendapati penggunaan bahan dan sumber multimedia sejarah mempunyai hubungan yang signifikan dengan minat belajar sejarah. Oleh itu, dapat dirumuskan bahawa guru-guru sedar dan akui keperluan penggunaan sumber-sumber sejarah dalam proses pengajaran dan pembelajaran sejarah walaupun mereka tidak melaksanakannya dalam konteks pengajaran di dalam kelas.

*ii) Keperluan pembangunan modul aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang khusus*

Oleh kerana seramai 33 orang guru-guru sejarah telah mengakui bahawa ketiadaan suatu panduan pengajaran dan pembelajaran sejarah berasaskan penggunaan sumber-sumber sejarah merupakan antara masalah mereka tidak menggunakan sumber-sumber sejarah tersebut dalam konteks pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas, maka dapat dirumuskan bahawa terdapat satu keperluan dalam pembangunan modul aktiviti pengajaran dan pembelajaran sebagai rujukan kepada guru-guru untuk memperkenalkan penggunaan sumber-sumber sejarah dalam kalangan murid. Dapatan kajian ini adalah konsisten dengan kajian Nur Hawa Hanis Abdullah dan Ghazali Darusalam, (2018) dan kajian Sarmila Tamoh Deram dan Abdul Razaq Ahmad, (2017) yang telah mendapati terdapat satu keperluan pembangunan modul pengajaran dan pembelajaran bersesuaian untuk meningkatkan kemahiran berfikir dalam mata pelajaran sejarah dalam konteks pembelajaran di dalam kelas. Hal ini kerana modul pengajaran dan pembelajaran yang disediakan adalah berperanan sebagai bahan sokongan dan rujukan agar kaedah pengajaran dan pembelajaran sejarah berasaskan penggunaan sumber sejarah dapat dirancang dan dilaksanakan dengan baik bagi mencapai matlamat pembelajaran yang disasarkan. Justeru, modul pengajaran dan pembelajaran yang mengandungi aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang menyeronokkan, menerangkan bagaimana aktiviti pengajaran dan pembelajaran dijalankan, menyenaraikan

bahan-bahan bantu mengajar, penulisan rancangan pengajaran dan sebagainya adalah diperlukan oleh guru-guru sejarah.

*iii) Koleksi bahan-bahan pengajaran dan pembelajaran sejarah yang sesuai dan relevan*

Seramai 54 orang guru-guru sejarah telah berpendapat untuk memperbanyakkan koleksi sumber-sumber yang sesuai dan relevan dengan topik pelajaran. Hal ini kerana dapat memudahkan proses pengajaran dan pembelajaran sejarah di dalam kelas dan menjimatkan masa guru-guru tersebut untuk mencari koleksi sumber atau bahan tersebut. Masa pencarian yang lama memungkinkan guru-guru berasa kecewa dan putus asa untuk melaksanakan kaedah pengajaran dan pembelajaran sejarah berasaskan penggunaan sumber-sumber sejarah di dalam kelas, di samping mereka mengambil keputusan untuk melaksanakan kaedah pengajaran secara kuliah dan penerangan sahaja yang melibatkan aktiviti mendengar dan mencatat nota. Dapatan kajian ini adalah bertepatan dengan pendapat Hazri Jamil, (2003) yang mengakui persediaan dan perancangan kaedah pengajaran dan pembelajaran dengan menggunakan sumber-sumber asli mengambil masa yang panjang dan adalah dicadangkan agar senarai koleksi sumber-sumber mengikut topik pelajaran disediakan bagi memudahkan guru-guru merancang aktiviti pengajaran dan pembelajaran mengikut tahap kebolehan murid. Tidak dinafikan bahawa kompleksiti untuk membaca dan memahami kandungan sumber sejarah iaitu bahasa kuno, perkataan-perkataan lama, koleksi sumber dalam bahasa Inggeris, kandungan dan maklumat yang banyak, teks sumber yang panjang dan sebagainya didapati menjadi penyumbang kepada kekurangan pelaksanaan aktiviti pengajaran dan pembelajaran sejarah berasaskan penggunaan sumber-sumber sejarah. Isu kompleksiti terhadap bahan atau sumber turut diutarakan oleh Reisman dan Wineburg, (2012) dan Wineburg, Martin dan Monte-Sano, (2011) yang mencadangkan agar bahan-bahan tersebut disesuaikan mengikut aktiviti pengajaran dan pembelajaran sejarah dan tahap kebolehan murid.

Tambahan pula, dapatan ini yang mendapati penyediaan bahan-bahan pengajaran yang sesuai dan relevan diperlukan adalah konsisten dengan pendapat Rosy Talin, (2015) yang menegaskan bahawa kepentingan penyediaan bahan-bahan pengajaran dan pembelajaran sejarah yang sesuai yang lain dan bukan bergantung sepenuhnya kepada buku teks sahaja bagi meningkatkan kemahiran berfikir aras tinggi dalam kalangan murid. Hal ini kerana murid dapat mendapatkan banyak maklumat tambahan bagi menerangkan isi kandungan buku teks, di samping dapat menambahkan maklumat-maklumat sejarah dari pelbagai sudut pandangan yang lain. Tambahan pula, kepentingan penggunaan sumber-sumber sejarah sebagai sumber maklumat sejarah dalam proses pengajaran dan pembelajaran sejarah turut diakui dalam kajian yang dijalankan oleh S. Azman Ligun, Mohd Mahzan Awang, Abdul Razaq Ahmad, Mohd Isa Hamzah dan Noor Wahida Hasan, (2017) yang telah menjelaskan bahawa muzium merupakan instrumen pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran sejarah di luar bilik darjah. Pendapat ini adalah bertepatan kerana muzium menyediakan pelbagai jenis sumber-sumber sejarah bagi membolehkan murid-murid dapat mengkaji sejarah dari aspek empati sejarah iaitu mendalami atau menghayati sesuatu peristiwa dari dalam peristiwa tersebut.

*iv) Aktiviti pengajaran dan pembelajaran berdasarkan kemampuan dan kebolehan murid*

Seramai 5 orang guru sejarah telah mendapati aktiviti pengajaran dan pembelajaran sejarah berasaskan penggunaan sumber-sumber sejarah perlu dijalankan dengan mengambil kira latar belakang kebolehan dan kemampuan murid. Hal ini kerana setiap murid mempunyai cara pembelajaran atau kemahiran-kemahiran belajar yang tersendiri yang memungkinkan murid-murid tidak dapat terlibat dengan aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang terlalu sukar atau yang terlalu mudah. Pendapat yang sama juga telah dicadangkan oleh Aliza Ali dan Zamri Mahamod, (2015) dalam mengkaji keperluan penggunaan sasaran dalam modul pengajaran dan pembelajaran berasaskan pendekatan bermain bagi kemahiran bahasa dalam kalangan kanak-kanak prasekolah. Hal ini kerana aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang dilaksanakan dengan memfokuskan aspek kepelbagaian murid membolehkan matlamat pembelajaran yang ditetapkan dapat dicapai dengan baik disebabkan oleh setiap kelas terdiri daripada murid-murid yang berbeza kebolehan, pencapaian, kecerdasan, pembelajaran, demografi dan sebagainya yang secara langsung mahupun secara tidak langsung mempengaruhi penggunaan sumber-sumber sejarah dalam proses pengajaran dan pembelajaran sejarah dari segi aspek kognitif dan afektif (Suppiah Nachiappan, Kamarulzaman Kamaruddin, Abdul Aziz Abdul Shukor, Ramlah Jantan, Roslinda Mustapha & Hazalizah Hamzah, 2009). Tambahan pula, dalam kajian-kajian lepas seperti kajian Nieuwenhuys, Roose, Wils, Depaepe & Verschaffel, (2017) dan kajian Rantala dan Van Den Berg, (2015) telah mencadangkan agar aktiviti pengajaran dan pembelajaran sejarah berasaskan penggunaan sumber sejarah yang dilaksanakan yang melibatkan murid-murid sekolah menengah perlu mengambil kira jenis-jenis aktiviti pembelajaran yang pelbagai dan tahap kebolehan murid. Oleh itu, modul pengajaran dan pembelajaran yang dibina perlu mengambil kira aspek ciri-ciri murid.

*vi) Pendekatan dan strategi pengajaran dan pembelajaran yang sesuai dan pelbagai*

Disebabkan oleh keberkesanaan sesuatu kaedah pengajaran dan pembelajaran adalah bergantung kepada kreativiti guru-guru merancang, mengolah serta melaksanakan pendekatan, kaedah, teknik pengajaran dan dan pembelajaran secara bersepadu dan sistematik seperti yang ditekankan dalam kurikulum sejarah (PPK, 2003; 2015), maka pendekatan dan strategi pengajaran dan pembelajaran berpusatkan murid adalah disarankan bagi menggalakkan penyertaan aktif murid-murid dalam proses pengajaran dan pembelajaran sejarah yang dapat menimbulkan suasana pengajaran dan pembelajaran yang menarik selaras dengan Teori Konstruktivisme yang menekankan kepada proses pembinaan maklumat secara terarah sendiri dengan bimbingan guru dalam kalangan murid. Justeru, seramai empat orang guru-guru Sejarah dalam kajian ini telah menegaskan keperluan untuk merancang pengajaran dan pembelajaran sejarah berasaskan penggunaan sumber-sumber sejarah dengan mempelbagaikan aktiviti pembelajaran yang menarik dengan memaksimumkan penyertaan aktif dan memfokuskan penerapan pengetahuan dan kemahiran melalui pengalaman lepas atau sedia ada. Hasil dapatan kajian ini adalah selari dengan Colby, (2008) yang mendapati proses inkuiri murid dapat dibentuk apabila murid didedahkan dengan aktiviti analisis sumber-sumber sejarah, di samping dalam kajian Lezah @ Lejah Kiamsin dan Rosy Talin, (2018) yang telah mendapati kaedah pengajaran seperti

perbahasan, pembentangan, gallery walk dan ceramah merupakan antara kaedah pengajaran yang diminati dalam kalangan murid dan dicadangkan diterapkan dalam proses pengajaran dan pembelajaran sejarah kerana dapat menjana pemikiran kritis, penglibatan menyeluruh pelajar, mencabar, menarik dan menguasai pelbagai topik dan fakta dengan lebih jelas. Justeru, pendekatan berpusatkan murid dengan mempelbagaikan aktiviti pengajaran dan pembelajaran sejarah berasaskan penggunaan sumber-sumber sejarah dengan mengintegrasikan pelbagai kaedah pengajaran yang bersesuaian dengan kehendak murid yang memfokuskan kepada aktiviti *hands-on* dan *minds-on* adalah disarankan dalam pembangunan modul pengajaran dan pembelajaran agar dapat memupuk kemahiran baru, meningkatkan minat dan pencapaian yang ditetapkan.

*vii) Skop tema dan topik sejarah memfokuskan sejarah tempatan*

Oleh kerana terdapat 14 orang guru sejarah telah bersetuju bahawa aktiviti pengajaran dan pembelajaran sejarah berasaskan penggunaan sumber-sumber sejarah perlulah memfokuskan kepada topik atau tema sejarah tempatan, maka pengkaji telah mendapati bahawa terdapat keperluan untuk memfokuskan pengkajian sejarah dalam topik atau tema sejarah tempatan. Hal ini bertepatan dengan fokus dan matlamat kurikulum sejarah yang bertujuan untuk memberi kefahaman mengenai masyarakat, negara Malaysia dan dunia bagi membolehkan murid memahami perkembangan sejarah Malaysia dengan lebih baik bagi membentuk identiti diri serta semangat setia negara sebagai warganegara Malaysia (PPK, 2003; 2015). Tambahan pula, kebolehasan dan kepelbagaian koleksi sumber-sumber sejarah tempatan yang boleh diperolehi daripada arkib negara telah menyokong dapatan kajian ini dan konsisten dengan pendapat yang diutarakan oleh Shakila Yacob, Ahmad Kamal Ariffin Mohd Rus dan Rosilawati Zainol, (2016) yang menjelaskan bahawa koleksi sumber-sumber sejarah tempatan yang boleh diperolehi dalam bentuk digital dapat memudahkan proses pengkajian sejarah dalam konteks di negara Malaysia dengan menyediakan ribuan pautan yang membolehkan pengguna dapat memuat turun bahan-bahan tersebut dengan mudah, tanpa had dan percuma malah dalam kajian Renuka Ramakrishnan, Norizan Esa dan Siti Hawa Abdullah, (2014) juga telah mendapati penggunaan sumber digital adalah berkesan untuk meningkatkan kemahiran pemikiran sejarah dalam kalangan murid. Oleh itu, fokus kepada sejarah tempatan menjadi satu keperluan kepada pengkaji dalam pembangunan modul pengajaran dan pembelajaran berasaskan penggunaan sumber-sumber sejarah.

## **KESIMPULAN**

Kesimpulannya, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa terdapat suatu keperluan dalam pembangunan modul pengajaran dan pembelajaran sebagai rujukan kepada pelaksanaan kaedah pengajaran dan pembelajaran sejarah pada peringkat sekolah menengah secara teratur dan sistematik. Hal ini sebagai pendedahan awal terhadap penggunaan sumber-sumber sejarah dalam kalangan murid bagi meningkatkan kemahiran-kemahiran belajar, di samping dapat mewujudkan pengalaman pembelajaran sejarah yang bermakna bagi mempersiapkan diri mereka dengan proses pengkajian yang mendalam. Melalui dapatan kajian awal ini telah membolehkan pengkaji

mendapatkan gambaran khusus tentang keperluan pembangunan sebuah modul pengajaran dan pembelajaran dengan mencadangkan penambahbaikan dan memfokuskan aspek-aspek penting dalam proses pembangunan modul pengajaran dan pembelajaran yang berkesan berdasarkan data kajian empirikal ini bagi memastikan proses pengajaran dan pembelajaran yang bermakna dapat dilaksanakan melalui penggunaan sumber-sumber sejarah di dalam kelas. Implikasi kajian ini telah mencadangkan kepada pihak guru dan PPK agar memberi perhatian kepada keperluan membangunkan modul-modul pengajaran dan pembelajaran berasaskan penggunaan sumber-sumber sejarah yang bersesuaian pada semua peringkat persekolahan dengan mengambil kira aspek kebolehan murid, pendekatan pengajaran bersesuaian, bahan-bahan pengajaran yang relevan dan sebagainya. Oleh itu, kajian ini adalah diharapkan dapat memberi suatu gambaran awal tentang keperluan untuk membangunkan sebuah modul pengajaran dan pembelajaran berasaskan penggunaan sumber-sumber sejarah untuk dipraktikkan dalam proses pengajaran dan pembelajaran sejarah.

## **RUJUKAN**

- Anuar Ahmad, Peter, & Nur Atiqah Tang Abdullah. (2015). Pengetahuan Nilai Patriotisme Pelajar Berdasarkan Pembelajaran Subjek Sejarah. *Malaysian Journal of Youth Studies*, 13, 95-116.
- Breakstone, J., & Smith, M. (2013). Using Library of Congress Primary Sources for assessment. *The TPS Journal*, 1(3), 1-8.
- Cohen, L., Manion, L., & Morrison, K. (2007). *Research Methods in Education* (6<sup>th</sup> Edition). London: Routledge Falmer.
- Colby, S.R. (2008). Energizing the Historical Classroom: Historical Narrative Inquiry and Historical Empathy. *Social Studies Research and Practice*, 3(3), 60-79.
- Dutt-Doner, K., Cook-Cottone, C., & Alien, S. (2007). Improving Classroom Instruction: Understading the development nature of analyzing Primary Source. *Research in Middle Level Education*, 30(6), 1-20.
- Dutt-Doner, K.M. (2015). Increasing Pre-service Teachers' Capacity to Utilize and Implement Primary Source Instruction in the Elementary Classroom. *National Teacher Education Journal*, 8(1), 13-24.
- Haminah Suhaibo. (2010). Pemupukan Patriotisme dalam Pendidikan Sejarah Tingkatan Satu. *Jurnal Penyelidikan IPG KBL*, 9, 1-18.
- Hazri Jamil. (2003). *Teknik mengajar Sejarah*. Pahang: PTS Publications & Distributors
- Heinich, R, Molenda, Russell, J.D & Smaldino, S.E (2002). *Instructional Media & Technologies for Learning*. (Ed Ke-7). Ohio Merill Prentice Hall.
- Hover, S.V., Hicks, D., & Dack, H. (2016). From Source to Evidence? Teachers' Use of Historical Sources in Their Classrooms. *The Social studies*, 107(6), 209-217.
- Huistra, H., & Mellink, B. (2016). Phrasing history: Selecting sources in digital repositories. *Historical methods*, 49(4), 220-229
- Husen, T., & Postlethwaite, T.N. (1985). *The Instructional Encyclopedia of Education*. Oxford: Pergamon Press Ltd.
- Kaviza, M., Fauziah Abdul Rahim, & Nurliyana Bukhari. (2018). Tahap Kesiediaan Guru-guru Sejarah dalam Melaksanakan Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Berasaskan Sumber Sejarah: Satu Tinjauan di Negeri Perlis. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 6(2), 23-31.

- Lembaga Peperiksaan Malaysia. (2011). *Surat siaran Lembaga Peperiksaan Bil 4 Tahun 2011: Format pentaksiran bagi mata pelajaran sejarah untuk pelaksanaan peperiksaan SPM 2018*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Lembaga Peperiksaan Malaysia. (2018). *Surat Siaran Lembaga Peperiksaan Bil 5 Tahun 2018: Format instrumen pentaksiran Tingkatan Tiga (PT3) bagi mata pelajaran Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) mulai tahun 2019*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Lezah @ Lejah Kiamsin & Rosy Talin. (2018). Kaedah Pengajaran Sejarah yang diminati pelajar dan justifikasinya. *Malaysia Journal of Social Sciences and Humanities*, 3(2), 137-145.
- Lim, C.H. (2007). *Penyelidikan Pendidikan: pendekatan Kuantitatif dan Kualitatif*. Shah Alam: Mc Graw Hill Education.
- Merkt, M., Werner, M., & Wagner, W. (2017). Historical Thinking Skills and Mastery of Multiple Documents Tasks. *Learning and Individual Differences*, 54, 135-146.
- Mohd Mahzan Awang, Abdul Razaq Ahmad, & Nur Syazwani Abdul Talib. (2016). Penggunaan Multimedia Dalam Pendidikan Sejarah Pada Abad Ke-21 dan Hubungannya Dengan Minat Belajar Sejarah. *Jurnal Pemikir Pendidikan*, 7, 44-56.
- Nieuwenhuys, K.V., Roose, H., Wils, K., Depaepe, F., Verschaffel, L. (2017). Reasoning with and /or about sources? The use of primary sources in Flemish Secondary school history education. *Journal of Historical consciousness, historical cultures and history education*, 48-70.
- Nur Hawa Hanis Abdullah & Ghazali Darusalam. (2018). Kesediaan Guru Melaksanakan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi dalam Pengajaran. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 6(2), 22-31.
- Omarin Haji Ashaari & Yunus Muhammad. (1996). *Kaedah Pengajaran Sejarah*. Kuala Lumpur: Utusan Publication and Distributor Sdn Bhd.
- Patterson, N.C., Lucas, A.G., & Kithinji, M. (2012). Higher Order Thinking in Social Studies: An analysis of Primary Source Document Use. *Social studies Research and Practice*, 7(2), 68-85
- Pusat Perkembangan Kurikulum. (2003). *Huraian Sukatan Pelajaran Tingkatan Empat*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Pusat Perkembangan Kurikulum. (2015). *Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Mata Pelajaran Sejarah Tingkatan Satu*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Rantala, J. & Van Den Berg, M. (2015). Finnish high school and university students' ability to handle multiple source documents in history. *Historical Encounters: A Journal of Historical Consciousness, historical cultures and history education*, 2(1), 70-88.
- Reisman, A., & Fogo, B. (2016). Contributions of Educative document based curricular materials to quality of historical instruction. *Teaching and Teacher Education*, 59, 191-202.
- Reisman, A., & Wineburg, S. (2012). "Text complexity in the History Classroom": teaching to and beyond the Common Core. *Social Studies Review*, 51(1), 24-29.
- Renuka Ramakrishnan, Norizan Esa, & Siti Hawa Abdullah. (2014). Kesan Penggunaan Sumber Digital Sejarah Terhadap Amalan Pemikiran Sejarah. Kertas kerja yang dibentangkan di 23<sup>rd</sup> International Conference of Historians of Asia 2014 (IAHA 2014), 23-27 Ogos 2014, Alor Setar, Kedah, Malaysia.
- Richey, R.C., & Klein, J.D. (2007). *Design and Development Research*. New Jersey: Routledge.
- Rosy Talin. (2015). Historical Thinking Skills – The forgotten Skills? *International Journal of Learning and Teaching*, 7(1), 15-23.
- Rusell, J.D. (1974). *Modular Instruction: A guide for the design, selection, utilization and evaluation of modular materials*. New York: Publishing Company

- S. Azman Ligun, Mohd Mahzan Awang, Abdul Razaq Ahmad, Mohd Isa Hamzah & Noor Wahida Hasan. (2017). Muzium sebagai Intrumen Pembelajaran Sejarah Luar Bilik Darjah. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 5(1), 19-30.
- Sarmila Tamoh Deram & Abdul Razaq Ahmad. (2017). Pembangunan Modul 5E dalam meningkatkan kemahiran pemikiran sejarah. Kertas kerja yang dibentangkan di 2<sup>nd</sup> International Conference in Education and Regional Development, 20-21 November 2017, Bandung, Indonesia.
- Shahrom Noordin & Yap, K.C. (1991). Ke arah mengindividukan pengajaran menerusi pengajaran bermodul. *Jurnal Pendidikan Guru*, 7, 89-107.
- Shakila Yacob, Ahmad Kamal Ariffin Mohd Rus & Rosilawati Zainol. (2016). Potensi di luar tempurung: Halatuju digitalisasi sejarah di Malaysia. *GEOGRAFIA Online Malaysia Journal of Society and Space*, 12(13), 61-73.
- Sidek Mohd Noah & Jamaludin Ahmad. (2005). Pembinaan Modul: Bagaimana Membina Modul Latihan dan Modul Akademik. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Suntharalingam. (1985). *Pengenalan Kepada Sejarah*. Kuala Lumpur: Marican & Sons
- Suppiah Nachiappan, Kamarulzaman Kamaruddin, Abdul Aziz Abdul Shukor, Ramlah Jantan, Roslinda Mustapha & Hazalizah Hamzah. (2009). *Pembelajaran dan Perkembangan Pelajar*. Shah Alam: Oxford Fajar Sdn Bhd.
- Wineburg, S., Martin, D., & Monte-Sano, C. (2011). Reading like a historian: Teaching Literacy in Middle and High School History Classrooms. New York: Teacher College, Columbia University.

## **MAKLUMAT PENULIS**

### **M.KAVIZA**

Pusat Pengajian Pendidikan dan Bahasa Moden  
Universiti Utara Malaysia.  
[kavizakaviza@yahoo.com](mailto:kavizakaviza@yahoo.com)